



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 18 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PENGUMUMAN BESAR HARI OKU 3 DISEMBER		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pengumuman-besar-hari-oku-dijangka-3-disember	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/17/kpwkm-bakal-umum-berita-gembira-untuk-oku-sempena-hari-oku/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-bakal-umum-berita-gembira-untuk-oku-sempena-hari-oku-547991?amp=1	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2491954	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpwkm-to-announce-special-pwd-initiatives-on-international-day-of-persons-with-disabilities/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	NORAINI SAMPAIKAN SUMBANGAN... SUNTIK KEYAKINAN PARA USAHAWAN		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/11/17/noraini-sampaikan-sumbangan-suntik-keyakinan-para-usahawan/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SENTUH PINGGANG PELAJAR PEREMPUAN: GURU DIHUKUM PENJARA, SEBAT KES AMANG SEKSUAL FIZIKAL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1472850/sentuh-pinggang-pelajar-perempuan-guru-dihukum-penjara-sebat-kes-amang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756983/edisi/melakans/pegang-pinggang-pelajar-dalam-surau-guru-dipenjara-tujuh-tahun-dua-sebatan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-dipenjara-didapati-bersalah-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/17/guru-agama-dipenjaratujuh-tahun-dua-sebatan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/dunia/news.php?id=2491748	BERNAMA.COM	
	https://www.malysiakini.com/news/760966	MALYSIAKINI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1288680/tindakan-tertuduh-mencemarkan-nama-guru-agama-hakim	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/guru-agama-dijatuhi-hukuman-penjara-tujuh-tahun-sebat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/17/ustaz-cabul-pelajar-dalam-surau-dipenjaratujuh-tahun-2-sebatan	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://lobakmerah.com/pegang-pinggang-pelajar-perempuan-guru-berdepan-hukuman-sebat-penjara/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=OyV3AtQkgtY	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WARTAWAN DIUGUT LEPAS SIAR BERITA GURU SILAT DITUDUH CABUL		NEGATIF
	https://www.malysiakini.com/news/760995	MALYSIASKINI.COM	
	https://malysiatribune.news/jenayah-mahkamah/terima-ugutan-wartawan-malysiagazette-buat-laporan-polis/	MALYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	HIDUP INI TENTANG MENGAWAL DIRI, BUKAN MENGAWAL DUNIA		POSITIF
	https://malysiagazette.com/2025/11/17/hidup-ini-tentang-mengawal-diri-bukan-mengawal-dunia/	MALYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PURA-PURA JADI PELAJAR MENGADU DIDERA IBU TIRI, RUPANYA...		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/17/pura-pura-jadi-pelajar-mengadu-didera-ibu-tiri-rupanya/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	POLIS CARI WANITA OKU HILANG DI SIMUNJAN		NEGATIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/17/polis-cari-wanita-oku-hilang-di-simunjan/	TVSARAWAK.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/17/wanita-oku-hilang-di-simunjan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PAWE ELOPURA CEMERLANG, ANGKAT MARTABAT WARGA EMAS

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

PAWE Elopura cemerlang, angkat martabat warga emas

Pusat sehenti komuniti terima anugerah berprestij kebangsaan, julang nama Sabah

Oleh Mohd Amin Jalil
bhrencana@bh.com.my

Dari sebuah pusat komuniti yang sederhana di pinggir Bandar Sandakan, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Elopura kini mencipta sejarah apabila dinobatkan sebagai PAWE Cemerlang Kebangsaan 2025, mengangkat nama Sabah di persada nasional. Kejayaan ini bukan sekadar pengiktirafan terhadap

pengurusan cemerlang, tetapi juga bukti nyata bahawa komitmen dan kasih terhadap warga emas mampu membuahkan hasil luar biasa. Pencapaian itu juga hasil dedikasi, semangat kesukarelawanan dan kebersamaan yang tidak pernah luntur sejak pusat itu beroperasi pada tahun 2020.

Anugerah berprestij berkenaan disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025 di Seremban, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Maziah

Che Yusoff dan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

Hasil kerja berpasukan

Pengerusi PAWE Elopura, Budun Muari, tidak dapat menyembunyikan rasa syukur dan bangga atas kejayaan itu yang disifatkan sebagai hasil kerja berpasukan dan jiwa sukarelawan, tidak mengenal penat lelah.

"Kami bermula dengan tekad yang satu, menjadikan PAWE Elopura bukan sekadar tempat warga emas berkumpul, tetapi wadah untuk mereka terus hidup aktif, sihat dan dihargai," katanya.

Budun berkata, PAWE Elopura berperan sebagai pusat sehenti komuniti yang menyediakan pelbagai aktiviti percuti kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Programnya merangkumi aspek kerohaniaan, rekreasi, terapi, kesihatan, kemahiran dan sosial.

"Kami percaya warga emas masih memiliki semangat dan keupayaan untuk menyumbang. Jadi, kami tekankan pendekatan interaktif dan intergenerasi. Mereka bukan sekadar peserta, tetapi penggerak dalam setiap program," katanya.

Menurut beliau, PAWE Elopura menolok perspektif konvensional, warga emas wajar ditempatkan di pusat penjagaan.

"Sebaliknya, kami mahu mereka kekal berdaya dan berperan dalam masyarakat. Di PAWE, mereka bukan penerima belas kasihan, tetapi individu yang aktif dan dihormati," katanya lagi.



Nancy (tiga dari kiri) menyempakan Sijil Pusat Aktiviti Warga Emas Cemerlang pada Mejlis Penutup Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan di Seremban. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Budun berkata, kejayaan peringkat kebangsaan itu menjadi pemangkin untuk terus memperkasa kesejahteraan warga emas di Sandakan dan seluruh Sabah.

"Kami amat menghargai sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan masyarakat setempat. Anugerah ini milik bersama dan simbol perpaduan serta kasih antara generasi," katanya.

Menurut Budun lagi, PAWE Elopura sebelum ini sudah beberapa kali menerima pengiktirafan pada peringkat ne-

geri dan jabatan.

Turut diraikan pada majlis berkenaan ialah Dr Tee E Siong, 78, yang menerima Anugerah Tokoh Warga Emas 2025 atas sumbangan luar biasa dalam bidang pemakanan dan kebajikan masyarakat.

Bekas pegawai pemakanan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan (KKM) itu pernah terlibat aktif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pemakanan Malaysia, Majlis Profesion Kesihatan Berserutu dan Persatuan Keseda-

ran Kesihatan Warga Emas Malaysia.

"Anugerah ini bukan penghujung perjalanan, tetapi dorongan untuk saya terus menyumbang. Selagi hayat dikandung badan, kita harus kekal aktif dan memberi manfaat kepada masyarakat. Itu rahsia hidup sihat dan bahagia," katanya.

Beliau juga mengetuai pelbagai program komuniti termasuk Program Penuaan Sihat Positif 2022, yang memperjuangkan gaya hidup aktif dalam kalangan warga emas di seluruh negara.

Warga emas aset berharga, sumber kebijaksanaan



Kerajaan kekal komited memperkukuh kesejahteraan warga emas yang semakin meningkat bilangannya, seiring persediaan Malaysia menuju status negara tua menjelang 2030.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata isu warga emas tidak boleh ditalas oleh satu kementerian sahaja. Ia memerlukan pendekatan menyeluruh merangkumi pelbagai bidang dan kepakaran.

"Warga emas bukan beban kepada negara, sebaliknya aset berharga yang menjadi jambatan generasi dan sumber kebijaksanaan bangsa. Mereka adalah mentor

dan pembimbing kepada generasi muda, pemelihara nilai budaya, serta agen advokasi dalam isu sosial dan kelestarian," katanya ketika berucap sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025.

Beliau berkata, tema sambutan tahun ini, *Warga Emas Wajah Masa Depan Kita* amat signifikan kerana menegaskan penghormatan terhadap peranan semasa warga emas, bukan sekadar jasa silam mereka.

"Warga emas hari ini bukan sekadar dikenang atas sumbangan masa lalu, tetapi menjadi inspirasi yang memimpin hala tuju masyarakat ke depan," katanya.

Nancy berkata, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada 63 tahun pada lima dekad lalu kepada 76 tahun kini, justeru tanggungjawab kerajaan memastikan golongan itu terus menikmati kesejahteraan hidup semakin penting.

"KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus memperkukuh jaringan Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara supaya lebih ramai warga emas dapat mengakses program sosial, terapi minda dan aktiviti yang merangsang kehidupan aktif."

"Selagi warga emas dirai dan dihormati, selagi itu masyarakat kita kekal harmoni dan sejahtera," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengumuman besar Hari OKU 3 Disember

Nasional - Dicipta: 17 November 2025 06:45 PM



Foto Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)

KUALA LUMPUR, 17 November - Pengumuman penting bagi meningkatkan kesejahteraan Orang Kurang Upaya (OKU) dijangka dibuat bersempena sambutan Hari OKU pada 3 Disember ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang berlangsung pagi tadi membincangkan pelbagai inisiatif baharu, sekali gus membuktikan komitmen berterusan kerajaan memastikan golongan OKU tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara.

"Ada beberapa perkara serta perancangan yang sedang diperhalusi dari segi usaha yang boleh dilakukan untuk PDK. Ketika ini, PDK wujud di seluruh negara. Selain itu, terdapat juga cadangan daripada KPT berkaitan PDK, dan perincian mengenai pelaksanaan program yang boleh dijalankan.

"Misalnya, bagi kerusi roda, ia bukan standard khusus untuk semua. Jadi, mungkin PDK boleh menghasilkan produk tersebut bagi membantu golongan OKU. Itu sekadar contoh. Terdapat juga perkara lain yang boleh mereka laksanakan, termasuk inisiatif daripada PDK di bawah KPT.

"Selain itu, kita juga menerima cadangan daripada kementerian lain, yang saya kira berpotensi menjadi satu kejutan. Jika semuanya diluluskan, kita akan membuat pengumuman pada 3 haribulan nanti," katanya kepada media selepas Majlis Peluncuran Drama Pendek dan Tayangan Perdana ISM tahun 2025 di sini, hari ini.

Mengulas tahap kesedaran terhadap Program Perkhidmatan Job Coach yang masih rendah, Nancy berkata usaha sedang dipertingkatkan bagi mempromosikan perkhidmatan itu.

Beliau turut menegaskan bahawa lebih banyak syarikat korporat perlu diberi pendedahan agar mereka bersedia menawarkan peluang pekerjaan serta merekrut OKU dalam pasaran kerja.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	WHO WILL CARE FOR THE CHILDREN?
HARI :	SELASA
TARIKH :	18 NOVEMBER 2025
TONE :	NEUTRAL
AKHBAR :	THE STAR
M/SURAT :	01&06
SEKTOR :	KPWKM



Who will care for the children?

Demand for quality childcare centres is growing – yet more and more are closing their doors. Associations say increasing costs, lack of staff and red tape are responsible, while parents bemoan high fees demanded by centres complying with stricter safety and health standards.

> See reports on page 6 by DIYANA PFORDTEN



Childcare centres on the decline

Demand up but operators struggle with high costs, red tape, staff shortage

Reports by DIYANA PFORDTEN enquiries@kpwm.gov.my

Number of childcare centres and enrolment, 2024 vs 2023

Environment of childcare centres	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	5,850	5,270	-10%
Putrajaya	2,401	2,139	-11%
Perak	4,212	3,488	-17%

Number of childcare centres	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Enrolment of children

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	1,170,000	1,200,000	+3%
Putrajaya	420,000	450,000	+7%
Perak	1,200,000	1,150,000	-4%

Number of children

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	216	193	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of staff

Environment	2023	2024	% Change
Kuala Lumpur	116	103	-11%
Putrajaya	67	51	-24%
Perak	245	194	-21%

Number of centres

Environment	2023	2024	% Change
-------------	------	------	----------

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Noraini Sampaikan Sumbangan... Suntik Keyakinan Para Usahawan

17 November 2025

Berita Lain Berita Utama

KUALA LUMPUR, 17 Nov – Ketua Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad telah menyampaikan sumbangan kepada para usahawan desa Kampung Angkat Madani di Batu Pahat pada Ahad.

Menerusi hantaran di laman Facebooknya, beliau yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan para penerima sumbangan tersebut terdiri daripada usahawan mikro yang menjalankan perniagaan kecil.



"Saya telah hadir ke majlis penyerahan geran keusahawanan kepada 45 usahawan desa di bawah Program Kampung Angkat Madani. Para penerima terdiri daripada usahawan mikro yang menjalankan perniagaan kecil seperti makanan, kraftangan, pertanian kecil, perkhidmatan harian dan lain-lain.

"Program Kampung Angkat Madani diwujudkan dengan objektif memperkasa ekonomi

desa dan meningkatkan pendapatan keluarga melalui bantuan modal perniagaan, bimbingan serta latihan asas keusahawanan, pembangunan kapasiti untuk mengurus perniagaan dengan lebih sistematik termasuk penyediaan peluang kepada penduduk kampung untuk menjana pendapatan baharu," katanya.

Mengulas lanjut beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan berharap agar sumbangan tersebut dapat membawa banyak kebaikan termasuk peluang-peluang baharu.

"Setiap bantuan yang disampaikan hari ini bukan sekadar angka, tetapi suntikan keyakinan untuk para usahawan meneruskan usaha keras mereka. Ekonomi setempat hanya dapat berkembang apabila usahawan desa diberikan sokongan yang konsisten dan peluang untuk memperluas kapasiti perniagaan.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk Ketua-ketua Kampung, para usahawan, para pelajar serta ibu bapa dan seluruh urusetia yang telah menjayakan kedua-dua majlis ini.

"Semoga hari ini menjadi permulaan kepada lebih banyak kebaikan, lebih banyak peluang dan lebih banyak kejayaan untuk semua. Insya-Allah," katanya lagi. – *UMNO Online*



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GURU DIPENJARA AMANG SEKSUAL

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guru dipenjara amang seksual

Seremban: Seorang guru didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap murid perempuan berusia 13 tahun tiga tahun lalu.

Tertuduh, Farid Azhar Nawi, 47, dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan hukuman tambahan penjara dua tahun dan dua sebatan yang berjangka serentak bermula dari tarikh sabitan selain mengarahkan tertuduh menjalani kaunseling ketika hukuman serta pengawasan polis selama setahun selepas selesai hukuman penjara.

Hakim Datin Surita Budin membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal membuktikan keraguan yang munasabah terhadap tertuduh.

Menurut Surita, keputusan itu dibuat selepas mendengar mitigasi daripada pihak tertuduh dan juga hujahan pemberatan daripada pihak pendakwa raya.

Katanya, dengan mengambil kira fakta kes, keterangan semua saksi, faktor rayuan dan mengambil kira faktor kepentingan awam, mahkamah berpendapat tidak boleh bertolak ansur dalam kes amang seksual membabitkan kanak-kanak.

“Selaku tenaga pengajar

yang diamanah untuk mendidik kanak-kanak tetapi menyalahgunakan kedudukannya sehingga menyebabkan mangsa mengalami trauma dan mencemarkan nama baik guru agama dan menjatuhkan imej pihak sekolah akibat tindakan ini.

“Tertuduh sepatutnya melindungi dan memberi tunjuk ajar yang baik kepada murid dan bukannya mengambil kesempatan ke atas mangsa yang baru berusia 13 tahun ketika kejadian,” katanya.

Pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Norazizah Asmuni manakala tertuduh diwakili peguam Nor Azleen Khairina A Aziz.

Nor Azleen memohon supaya mahkamah menjatuhkan hukuman yang minimum memandangkan anak guamnya akan membuat rayuan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak perempuan yang berusia 13 tahun ketika kejadian dimana tertuduh mempunyai hubungan amanah sebagai seorang guru.

Mengikut laporan, kesalahannya itu dilakukan pada 4 Ogos 2022 jam lebih kurang 5.30 petang di surau sebuah sekolah menengah di Senawang di sini.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

TAJUK :	TEACHER JAILED FOR SEXUAL ABUSE OF 13-YEAR-OLD		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	18 NOVEMBER 2025	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

7-YEAR IMPRISONMENT

Teacher jailed for sexual abuse of 13-year-old

SEREMBAN: A teacher was sentenced to seven years' imprisonment by the Sessions Court here yesterday for sexually abusing a 13-year-old female student inside a surau at a secondary school in Senawang on Aug 4, 2022.

Farid Azhar Nawi, 47, was also handed an additional two-year jail term and two strokes of the cane, to run concurrently from the date of conviction.

He was also ordered to undergo counselling and to be placed under police supervision for a year after his release from prison.

He was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, read together with Section 16(c) of the same act for touching the girl's waist inappropriately.

Conviction under these provisions carries a maximum sentence of 20 years' imprisonment and whipping, and in certain circumstances, an additional five years' imprisonment and two strokes of the cane.

Judge Datin Surita Budin meted out the sentence after ruling that the defence had failed to raise reasonable doubt in the case.

In her judgment, she said the court had carefully considered the facts of the case, testimonies of all witnesses, mitigation from the defence, and the prosecution's arguments.

She stressed that sexual offences involving children could not be treated lightly.

She said the accused, as an educator, was entrusted to guide and protect students, but he abused his position, causing trauma to the victim and tarnishing the reputation of religious

teachers and the school.

"The accused should have offered proper guidance and protection to the student, rather than exploiting a minor under his care," she added.

Earlier, defence lawyer Nor Azleen Khairina A. Aziz pleaded for a minimum sentence, saying her client intended to appeal the conviction.

She said Farid had fully cooperated throughout the proceedings, was a first-time offender, and had expressed remorse.

She also highlighted his personal circumstances, noting that Farid has two wives and five children, and he was responsible for the care of a 40-year-old brother diagnosed with autism.

Deputy public prosecutor Norazihah Asmuni urged the court to impose a stern and appropriate sentence, highlighting the seriousness of sexual crimes involving children and the special trust between teacher and student.

She added that the incident occurred during an Islamic Education class at the school surau.

She also requested that the public interest be considered over personal factors in determining the sentence.

The defence had requested a stay of execution, which was opposed by the prosecution.

The court allowed the stay of sentence pending appeal, taking into account that the accused was a civil servant.

The court also increased bail to RM20,000, to be posted by a family member, and directed Farid to report to the nearest police station every month and surrender his passport.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sentuh pinggang pelajar perempuan: Guru dihukum penjara, sebat kes amang seksual fizikal

Oleh **Ahmad Hasbi** - November 17, 2025 @ 3:09pm



Farid Azhar (bersongkok) ketika hadir di Mahkamah Sesyen di Seremban, hari ini. - NSTP/AHMAD HASBI

SEREMBAN: Seorang guru dihukum penjara selama tujuh tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun di surau sebuah sekolah menengah di Senawang pada 2022.

Selain itu tertuduh, Farid Azhar Nawi, 47, juga dikenakan tambahan hukuman penjara dua tahun serta dua sebatan yang berjalan serentak bermula dari tarikh sabitan, selain diarahkan menjalani kaunseling ketika hukuman dan pengawasan polis selama setahun selepas selesai hukuman penjara.

Hakim Datin Surita Budin membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal membuktikan keraguan munasabah terhadap tertuduh.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan cara menyentuh bagi maksud seksual pinggang seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun ketika kejadian, yang mana tertuduh mempunyai hubungan amanah sebagai guru, di surau sebuah sekolah menengah di Senawang kira-kira jam 5.30 petang 4 Ogos 2022.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mukhriz Hazim | malaysiakini.com

Wartawan diugut lepas siar berita guru silat dituduh cabul

Diterbitkan: Nov 17, 2025 7:06 PM • Dikemaskini: 8:39 PM

Seorang wartawan *MalaysiaGazette* di Melaka membuat laporan polis selepas mendakwa menerima ugutan, cacian, serangan peribadi serta komen berbentuk hasutan di Facebook susulan laporan berita mengenai seorang guru silat yang disyaki mencabul pelajar berusia 14 tahun.

Wartawan tersebut, Muhammad Rizanizam Abdul Hamid, hadir membuat laporan di Bandar Polis Bukit Baru, Melaka dengan diiringi Kelab Pengamal Media Melaka (Pendika).

Menurut laporan polis, serangan terhadapnya mula berlaku sejak 16 Nov menerusi akaun Facebooknya, Reza Hamid, selepas penerbitan berita tersebut pada 14 Nov.

Kritikan kasar dan ugutan itu dipercayai berpunca daripada pihak yang tidak berpuas hati dengan penggunaan tajuk berita yang menyebut "guru silat", yang didakwa sebagai cubaan memburukkan seni pertahanan diri Melayu.

"Kecaman dan cacian bukanlah menjadi kudis sangat, tapi bila ia terus diamalkan secara berjemaah, satu tindakan harus dibuat.

"Apatah lagi apabila ianya beserta ugutan dan ancaman yang mungkin boleh menggugat keselamatan keluarga aku," katanya pada satu hantaran di Facebook.

Pengerusi Pendika, Amir Mamat mengecam tindakan tersebut dan menyifatkannya sebagai perbuatan yang boleh memberi tekanan psikologi serta mengancam keselamatan wartawan berkenaan.

Oleh itu, Amir menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan segera terhadap individu yang terlibat.

"Tindakan berbentuk ugutan tersebut jelas memberikan kesan negatif terhadap beliau dan tidak mustahil boleh merebak kepada pengamal media lain sekiranya dibiarkan berterusan.

"Sehubungan itu, Pendika mengesakan sekeras-kerasnya perbuatan ugutan, cacian dan makian tersebut yang disifatkan sebagai keterlaluan serta berpotensi menjejaskan reputasi dan keselamatan wartawan terbabit," katanya dalam kenyataan.

Gerakan Media Merdeka (Geramm) turut menyatakan solidariti, sambil mengesakan sebarang bentuk ugutan atau ancaman — sama ada secara langsung atau dalam talian — terhadap wartawan bertugas.

"Geramm bersama #kawangeramm dari Pendika, turut menggesa pihak berkuasa untuk menyiasat serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu yang terlibat," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hidup ini tentang mengawal diri, bukan mengawal dunia

Oleh **Pendapat** - 17 November 2025



Oleh: **Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin**

KADANG-kadang hidup terasa seperti kita sedang berlumba dengan masa, sibuk mengejar kestabilan, cuba mengawal apa saja yang terasa goyah. Kita mahu semuanya seiring dengan kehendak hati tapi di akhirnya, kita belajar bahawa ketenangan bukan datang dari mengawal dunia luar tapi dari cara kita menenangkan dunia dalam diri sendiri. Semakin kita dewasa, semakin kita faham bahawa tidak semua hal perlu diatur, tidak semua orang perlu difahami, dan tidak semua keadaan perlu berpihak kepada kita.

Di sinilah letaknya seni sebenar kehidupan iaitu kawalan diri yang lahir daripada kesabaran, keikhlasan, dan kepercayaan bahawa Tuhan lebih tahu apa yang terbaik untuk kita. Hidup ini bukan tentang memastikan semuanya berjalan seperti yang kita mahu, tetapi tentang bagaimana kita tetap tenang walau tidak semuanya seperti yang dirancang. Secara psikologi, keinginan untuk mengawal sesuatu adalah tindak balas semula jadi manusia terhadap ketidakpastian. Ia datang daripada naluri untuk melindungi diri daripada rasa takut, kecewa atau kehilangan.

Namun dalam jangka panjang, keinginan itu boleh menjadi sumber tekanan yang besar kerana semakin kita cuba memegang semua hal dalam genggaman, semakin kita merasa letih dan hilang arah. Dalam terapi emosi, kemampuan mengawal diri lebih penting daripada mengawal keadaan kerana minda yang tenang akan membawa kepada keputusan yang lebih bijak dan hati yang lebih reda.

Dalam dimensi spiritual, kehidupan mengajar bahawa tugas kita hanyalah berusaha, selebihnya adalah urusan Tuhan. Kita boleh merancang sebaik mungkin tetapi hasil akhirnya tetap berada di luar kawalan kita. Itulah sebabnya sabar menjadi penawar kepada jiwa yang sering gelisah. Sabar bukan sekadar menunggu masa berlalu tetapi kebijaksanaan untuk menerima bahawa tidak semua perkara akan berjalan mengikut waktu kita.

Sabar adalah latihan hati untuk percaya setiap kelewatan ada sebab, setiap ujian ada hikmah dan setiap kesakitan membawa pertumbuhan. Ada masa kita akan berdepan dengan pilihan yang sukar antara hati dan logik, antara impian dan realiti. Saat itu, kawalan diri menjadi jambatan yang menenangkan antara dua dunia yang saling bertentangan. Dalam psikologi, proses ini disebut *emotional regulation* iaitu keupayaan untuk tidak dikuasai emosi ketika berdepan tekanan.

Dalam spiritual pula, ia disebut tawakal iaitu menyerah dengan yakin bukan dengan putus asa. Kedua-duanya bertemu di satu titik yang sama, percaya bahawa apa yang ditulis untuk kita tidak akan pernah tersilap tempat. Namun, mengawal diri bukan bermakna kita menafikan perasaan. Kita masih boleh marah, sedih, kecewa atau takut kerana semua itu manusiawi. Yang membezakan hanyalah bagaimana kita bertindak balas terhadap emosi tersebut. Orang yang mampu mengawal diri tidak menolak kesedihan tetapi belajar untuk tidak tenggelam di dalamnya.

Mereka tidak menolak kecewa tetapi memilih untuk tidak membiarkan kecewa itu memusnahkan semangat. Di situlah letaknya kekuatan sebenar manusia. Bukan pada seberapa banyak yang dia miliki tetapi pada seberapa dalam dia mampu menenangkan diri sendiri.

Dari satu sisi yang lebih lembut, sabar juga adalah bentuk cinta terhadap diri. Ia mengajar kita untuk berhenti menyalahkan diri atas keputusan yang lalu dan belajar memaafkan proses yang belum selesai. Sabar menjadikan kita lembut kepada masa dan lembut kepada perjalanan sendiri. Dunia tidak akan pernah berhenti menuntun tetapi kita boleh memilih untuk berhenti sejenak, menarik nafas dan berkata kepada diri "Aku tidak perlu mengawal semuanya, aku cuma perlu mengawal bagaimana aku melihat semuanya".

Akhirnya, mengawal diri adalah bentuk tertinggi dari kebijaksanaan hidup. Ia memerlukan sabar, redha dan keberanian untuk menerima bahawa tidak semua hal boleh diatur oleh tangan manusia. Dunia ini akan terus berubah, ujian akan datang silih berganti tetapi selagi kita mampu menjaga hati kita tidak akan hilang arah. Kerana hidup ini memang bukan tentang mengawal dunia tetapi tentang mengawal diri dan di situlah letaknya ketenangan yang sebenar.

Ingatlah, apabila kamu tidak dapat mengawal apa yang berlaku di sekelilingmu, kawallah apa yang berlaku di dalam dirimu. Di situlah kekuatan sebenar bermula.



Penulis merupakan seorang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkongsian guru tersebut di Facebook

Pura-pura jadi pelajar mengadu didera ibu tiri, rupanya...

Oleh KOSMO! 17 November 2025, 12:39 pm

PETALING JAYA – Seorang guru mendedahkan pengalaman diganggu individu yang menyamar sebagai bekas pelajarnya untuk menipu dan mengganggu secara seksual.

Menurut guru terbabit, ini merupakan kes ke-10 dia berdepan dengan situasi sebegini yang mana individu lelaki tersebut menggunakan pelbagai helah untuk memancing mangsa.

"Ini kes ke-10 saya berdepan dengan isu ni. Gangguan seksual daripada lelaki gila seks. Macam-macam cerita golongan ini pusing, akhirnya jenis...rupanya!" kongsi guru itu melalui hantaran di Facebook.

Awalnya, guru itu menyangka mesej berkenaan datang daripada bekas pelajarnya yang biasa menghubunginya.

Namun, selepas beberapa mesej diterima dan perbualan tersebut semakin merapu, dia segera berhenti membalas.

"Assalamualaikum cikgu, cikgu sibuk ke sekarang? Maaf cikgu kalau saya ganggu. Cikgu ada di mana? Sekolah ke? Saya mahu beritahu cikgu hal penting, tapi saya tidak tahu boleh beritahu sama cikgu atau tidak," kata individu tersebut.

Kemudian, Individu tersebut menghantar gambar bahagian belakang badan yang menampakkan kesan seolah-olah didera.

"Setiap hari saya dipaksa oleh ibu tiri saya. Kalau saya tidak mahu, ibu tiri saya pukul saya guna paip air cikgu. Kalau cikgu tak percaya, vc (buat panggilan video) dengan saya cikgu," dakwa individu tersebut.

Menerusi beberapa tangkapan layar perbualan di WhatsApp, individu tersebut terus mengganggu guru berkenaan meskipun mesejnya tidak dibalas.

Guru berkenaan menasihati orang ramai, terutama golongan wanita, supaya sentiasa berhati-hati dan merekodkan sebarang mesej mencurigakan sebagai bukti untuk tindakan lanjut.

"Kalau nombor pelik naik, standby (bersedia) siap-siap 'screen record' dan 'screenshot'. Bukti penting tu," pesannya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis Daerah Simunjan sedang giat mengesan seorang wanita Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dilaporkan hilang sejak 13 November lalu.

Polis cari wanita OKU hilang di Simunjan

By TVS #bm, Berita Sarawak November 17, 2025 5:53 PM

SIMUNJAN, 17 Nov: Polis Daerah Simunjan sedang giat mengesan seorang wanita Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dilaporkan hilang sejak 13 November lalu.

Ketua Polis Daerah Simunjan, DSP Rafhan Kepli berkata, mangsa dikenali sebagai Needa Siti, 27, berbangsa Iban.

"Mangsa kali terakhir dilihat memakai baju coklat lengan panjang dan seluar hitam paras lutut. Sehingga kini, mangsa masih belum ditemui," katanya.

Polis menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat atau terlihat mangsa untuk segera menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Abdullah Awang di talian 017-2165919 atau mengunjungi mana-mana balai polis berdekatan.

Rafhan berharap kerjasama masyarakat dapat mempercepat usaha pencarian dan memastikan keselamatan mangsa.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAYI 6 BULAN YATIM PIATU SEKELIP MATA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bayi 6 bulan yatim piatu sekelip mata

Ibu, ayah Nur Laylaa Batrysha maut dalam nahas di Kota Tinggi

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: "Macam tak percaya dalam sekelip mata adik dan suaminya sudah tiada, meninggalkan anak mereka jadi yatim piatu," kata Norsaiful Othman, 36.

Norsaiful berkata, beliau terkejut menerima berita menimpa

adiknya, Nur Fatihah, 28 dan suami, Muhamad Lokmanorhakim Mokhtar, 24, yang maut di Kilometer 54.5 Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, kelmarin.

Katanya, bayi pasangan itu, Nur Laylaa Batrysha, enam bulan yang duduk di kerusi bayi di bahagian penumpang belakang terselamat dan kini masih dirawat di Hospital Sultan Ismail,

Johor Bahru.

"Pada awalnya, isteri nampak satu muat naik Facebook berkaitan mencari waris kemalangan maut.

"Dalam masa sama, ada saudara yang telefon saya memaklumkan adik dan suaminya terbabit kemalangan maut.

"Bila tengok balik di Facebook memang tak sangka itu adik saya. Kami kemudian terus bergegas ke hospital," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, arwah Nur Fatihah tidak bekerja dan tinggal bersama ibu mereka yang ku-



Kemalangan maut di Kilometer 54.5 Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, kelmarin.

(Foto ihsan polis)

rang sihat di FELDA Bukit Waha.

Beliau berkata, anak Allahyarham dalam keadaan stabil dan kini sedang dirawat di HSI.

Dikebumi satu liang lahad

"Laylaa anak tunggal mereka. Adik amat gembira dikurniakan cahaya mata selepas berkahwin pada 2023," katanya.

Norsaiful berkata, pertemuan terakhir dengan arwah ialah

minggu lalu, namun adiknya itu tidak menunjukkan sebarang perubahan.

"Dia anak yang baik, ibu yang penyayang. Memang kehilangannya amat terkesan bagi kami sekeluarga," katanya.

Jenazah pasangan suami isteri itu dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Gugusan Waha, malam kelmarin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'DIA ANAK YANG BAIK'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Saya tidak dapat percaya apa yang berlaku. Dalam sekelip mata adik dan suaminya sudah tiada meninggalkan anak tunggal, Nur Laylaa Batrysha yang hanya berusia enam bulan, kata Norsauful Othman, 36. Menurutnya, dia sedih apabila mendapat tahu kejadian menimpa adiknya, Nur Fatimah, 28, dan suami, Muhamad Lokmanorhakim Mokhtar, 24, yang maut dalam kemalangan di Kilometer 54.5, Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, kelmarin.

Katanya, dia dimaklumkan pasangan itu maut di lokasi kejadian selepas Perodua Myvi dinaiki terbabit kemalangan dengan dua kenderaan lain.

Katanya, bayi pasangan itu, Nur Laylaa Batrysha yang duduk di kerusi kanak-kanak di bahagian belakang penumpang bagaimanapun selamat dan kini masih dirawat di hospital.

"Saya yang sedang tidur

'Dia anak yang baik'

Pasangan maut nahas tinggalkan anak tunggal berusia 6 bulan



KEADAAN kenderaan yang terbabit dalam kemalangan di Kilometer 54.5, Jalan Sungai Rengit-Kota Tinggi, Kota Tinggi.

menerima panggilan mengenai kejadian itu kira-kira jam 4 petang.

"Pada awalnya isteri nampak di Facebook berkaitan mencari waris kemalangan maut, dalam masa sama ada saudara yang telefon saya memaklumkan bahawa adik dan suaminya terbabit kemalangan maut.

"Bila tengok balik di Facebook memang tak sangka itu adik saya. Kami kemudian terus bergegas ke hospital," katanya ketika dihubungi, semalam.

Norsauful berkata, arwah Nur Fatimah tidak bekerja dan tinggal bersama ibu mereka di Felda Bukit Waha.

"Adik anak bongsu dari lima beradik. Dia memang tidak bekerja kerana menjaga ibu kami yang kurang sihat.

"Saya difahamkan ketika kejadian dia dari rumah keluarga suaminya di Belungkor dalam perjalanan un-

tuk ambil ibu di rumah abang di Taman Sri Saujana sebelum terbabit nahas itu," katanya.

Menurutnya, Nur Laylaa Batrysha dalam keadaan stabil dan sedang dirawat di Hospital Sultan Ismail.

"Ketika melawatnya di hospital, dia menangis mungkin kerana terkejut dengan apa berlaku.

"Adik amat gembira dikurniakan cahaya matanya itu selepas berkahwin pada 2023," katanya.

Norsauful berkata, pertemuan terakhir dengan arwah pada minggu lalu namun adiknya tidak menunjukkan sebarang perubahan.

"Apapun dia anak yang baik, ibu yang penyayang, memang kehilangannya amat terkesan bagi kami sekeluarga," katanya.

Jenazah pasangan suami isteri itu selamat dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Gugusan

Waha, malam kelmarin.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othman dilaporkan berkata, kemalangan itu berlaku pada jam 1.30 tengah hari memabatkan Perodua Myvi, Toyota Vios dan lori Hino.

Beliau berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila Perodua Myvi dipandu lelaki berusia 24 tahun hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan lalu berlanggar dengan lori sawit tanpa muatan.

Serpihan kemalangan turut terkena kepada Toyota Vios. Dalam kemalangan itu, pemandu dan penumpang hadapan Perodua Myvi yang merupakan suami isteri mengalami kecederaan parah di kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Anak mereka berusia enam bulan cedera di kepala dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

NUR Fatimah bersama Muhamad Lokmanorhakim.



LORI sawit tanpa muatan yang terbabit dalam kemalangan.

